

SOALAN NO : 31

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**DARIPADA : DATO' SRI HASAN ARIFIN [ ROMPIN ]**

**TARIKH : 28 MAC 2018, RABU**

**SOALAN : 31**

Minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan rangka tindakan ekonomi digital negara. Adakah perlu pengubalan dasar baru ekonomi dalam zaman digital.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, ekonomi digital telah dikenalpasti sebagai salah satu enjin pertumbuhan yang dapat mengukuhkan ekonomi negara. Pada tahun 2016, menurut Jabatan Perangkaan, ekonomi digital telah menyumbang sebanyak 18.2% kepada KDNK Negara dan peratusan ini dijangka akan mencapai sasaran melebihi 20% sebelum tahun 2020.

Pertumbuhan dan pembangunan digital ekonomi negara adalah hasil perancangan dibuat di bawah agenda Dasar Digital Malaysia yang berlandaskan kepada Dasar dan Agenda Transformasi Negara. Perlaksanaan pembangunan digital ekonomi ini terajui oleh MDEC iaitu agensi di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) yang telah melaksanakan pelbagai inisiatif dan program di bawah rangka

tindakan seperti berikut:

- 1. Menarik pelaburan sektor digital ekonomi dari dalam dan luar negara.** Sejak MSC Malaysia diwujudkan sehingga Disember 2017, jumlah pelaburan asing dan domestik yang dicatatkan oleh MSC Malaysia adalah sebanyak RM311 bilion. Hasil dari pelaburan ini, sehingga tahun 2016 sebanyak 167,044 peluang pekerjaan telah diwujudkan oleh syarikat-syarikat MSC Malaysia.
- 2. Memperkasa syarikat tempatan** melalui perlaksanaan program *Global Acceleration and Innovation Network* (GAIN) yang menyediakan bantuan khidmat nasihat dan kepakaran kepada Syarikat ICT tempatan yang berpotensi untuk menjadi syarikat global antarabangsa, khususnya dalam aspek pemasaran serta akses kepada pasaran dan modal. Sehingga kini, sebanyak 150 syarikat tempatan yang berdaya saing terlibat dalam program ini.
- 3. Memangkin pembangunan ekosistem inovatif.** MDEC juga telah berkerjasama dengan pelbagai pihak termasuk sektor awam dan swasta khususnya dalam membangunkan bidang teknologi terkini berserta bakat dan modal insan agar pembangunan ekonomi digital disokong dengan ekosistem yang mampan. Antara program dan bidang yang ditumpukan termasuklah pembangunan sektor eDagang, *Big Data Analytics* (BDA) dan *Internet of Things* (IoT). MDEC juga berkerjasama dengan Kementerian Pendidikan untuk menerapkan pemikiran komputasional kepada golongan pelajar sekolah rendah dan menengah melalui program *MyDigitalMaker*.

**4. Merakyatkan ekonomi digital kepada golongan sasaran seperti golongan belia, usahawan kecil yang juga termasuk di bawah kumpulan B40 dan M40.** Di bawah agenda merakyatkan ekonomi digital ini, dua buah program yang dilaksanakan oleh MDEC iaitu program eRezeki dan eUsahawan yang bertujuan untuk membantu rakyat menjana pendapatan tambahan secara digital.

- a. Bagi program eUsahawan, sehingga **Disember 2017, sejumlah 102,269 usahawan muda dan desa** telah mengikuti latihan dan kursus eUsahawan. Daripada jumlah ini, sebanyak **25,792** daripada peserta telah mula melaporkan jualan tambahan keseluruhan yang berjumlah **sebanyak lebih dari RM175 juta.**
  - b. Bagi program eRezeki, untuk tempoh yang sama, **sebanyak 151,198 individu** telah dilatih di melalui Pusat dan Wakil eRezeki di seluruh negara. Daripada jumlah ini, sebanyak **62,790** telah berjaya menjana pendapatan dengan nilai terkumpul keseluruhan yang berjumlah **sebanyak lebih RM101 juta.**
- 5. Memperkenalkan Digital Free Trade Zone (DFTZ) bagi membantu PKS tempatan untuk menggunakan platform ini menembusi pasaran dunia serta bagi menarik jenama global dan “marketplaces” untuk menjadikan Malaysia sebagai gerbang untuk pasaran ASEAN dan serantau.** Sehingga kini, sebanyak lebih 2,000 syarikat PKS telah menyertai platform DFTZ. Di samping mewujudkan peluang pekerjaan yang dianggarkan sebanyak lebih 60,000 menjelang tahun 2025, dari aspek ekonomi, DFTZ turut dijangka memberi manfaat berikut kepada negara:

- a. Meningkatkan nilai ekspot Malaysia dengan anggaran sebanyak USD25 bilion menjelang tahun 2025;
  - b. Meningkatkan nilai ekspot PKS tempatan dengan anggaran sebanyak USD6 bilion menjelang tahun 2025; dan
  - c. Meningkatkan jumlah (*volume*) penghantaran barang dan kargo termasuk import, eksport dan *transhipment* dengan anggaran nilai sebanyak USD65 bilion menjelang tahun 2025.
6. **Menawarkan ekosistem persekitaran yang kondusif bagi pembangunan syarikat teknologi.** MDEC turut melaksanakan inisiatif pembangunan Digital Hub yang merupakan lokasi fizikal yang diuruskan oleh pihak industri. Inisiatif ini menawarkan ekosistem dan ruang kerja bagi syarikat awalan dan didokong oleh syarikat teknologi global, syarikat *accelerator* serta agensi bakat untuk beroperasi. Di samping menawarkan kemudahan jalur lebar berkelajuan tinggi dan persekitaran kemudahan terkini, lokasi ini juga menawarkan akses kepada program mentorship dan coaching serta pasaran modal kepada syarikat awalan. Sehingga kini sebanyak 5 lokasi Digital Hub yang telah diberi kelulusan.

Kerajaan pada masa ini giat menjalankan pelbagai inisiatif dalam pembangunan ekonomi digital negara. Sebagaimana kita maklum, perkembangan dunia IT termasuk ekonomi digital adalah dinamik. Justeru, inisiatif-inisiatif sedia ada ini sentiasa dikaji semula dengan melihat impak yang diberikan dan sekiranya terdapat keperluan, penggubalan dasar dan inisiatif baharu akan dibuat. Ini bagi menjadikan Malaysia terus berdaya saing di persada dunia dalam ekonomi digital.